

# Peneroka lega hutang RM8.3b lupus

Berita HARTIAN (09/07/2021) M15 05

Permudah fokus usaha kembalikan kegemilangan FELDA

Oleh Alzahrin Alias, Roslan Ab Malek, Rosman Shamsudin dan Abnor Hamizam Abd Manap  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perjuangan sejak sekian lama seakan menemui noktah sebaik kerajaan mengumumkan untuk melupuskan sebahagian pinjaman peneroka secara bersyarat seperti diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kelmarin.

**RESTART:** Inisiatif pelarasan pinjaman peneroka secara bersyarat

**Pelarasan baki tunggakan baja**  
sehingga 31 Disember 2019

**Pelarasan sepenuhnya baki pinjaman saham FGV**  
sehingga 7 Julai 2021



**Pelarasan sepenuhnya baki pinjaman pembangunan asal**  
sehingga 31 Disember 2019

sehingga 31 Disember 2019

**Pelarasan sebahagian baki pinjaman tanam semula**  
sehingga 31 Disember 2019

**Pelarasan sepenuhnya baki pinjaman Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF)**  
sehingga 7 Julai 2021



inisiatif penajaan semula organisasi berusia 65 tahun itu.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, pelupusan pinjaman melalui inisiatif pelarasan pinjaman secara bersyarat itu akan mengurangkan bebanan pinjaman setiap peneroka secara purata sebanyak 80 peratus.

Sementara itu, ahli ekonomi berpandangan kerajaan mengambil langkah tepat dengan melupuskan sebahagian pinjaman peneroka FELDA dalam menjana semula institusi itu.

Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata pengumuman itu dengan sendirinya memberikan kelegaan kewangan kepada peneroka, terutama dalam menangani cabaran krisis pandemik COVID-19 ketika ini.

Dengan pengurangan bayaran pinjaman, bebanan terpa-

## Reaksi

“Pelupusan sebahagian hutang ini dengan sendirinya boleh menstabilkan pendapatan peneroka dan berharap musim akan datang membuah hasil lebih baik”

**Razak Daud,**  
Exco  
Jawatankuasa  
Kemajuan,  
Keselamatan  
Rancangan  
(JKKR) Wilayah  
Jengka



Lebih mengembirakan peneroka, ia hadir ketika ramai berhadapan masalah pendapatan tidak menentu dan perlu berusaha lebih gigih meneruskan kelangsungan hidup.

Pengerusi Pertubuhan Satu Silaturahim Anak FELDA (ISAF), Mohammad Yahya Zakaria, berkata pengumuman itu disambut penuh kesyukuran, hasil rayuan dan perjuangan digerakkan generasi terdahulu.

“Langkah kerajaan melupuskan sebahagian pinjaman semestinya melapangkan dada peneroka yang rusing memikirkan beban hutang tidak dapat diselesaikan sepenuhnya menjelang musim tanaman semula akan datang.

“Dengan pelupusan sehingga 80 peratus itu, peneroka hanya membayar antara RM250 hingga RM300 bagi peneroka kelapa sawit dan sekitar RM150 untuk mereka yang mengusahakan tanaman getah.

“Lebih penting, hutang itu mungkin dapat diselesaikan sebelum jangkaan tanaman semula ladang peneroka,” katanya.

Keputusan kerajaan itu, katanya, membolehkan peneroka FELDA menarik nafas lega dan menumpukan sepenuh tenaga serta usaha ke arah menjadikan FELDA sebagai skim perladangan terbaik di dunia.

Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan, Sulong Jamil Mohamed Shariff, berkata pengumuman itu membuktikan iltizam kerajaan terhadap peneroka FELDA di seluruh negara yang dibelenggu hutang sejak sekian lama.

“Kerajaan sudah memberi apa yang kita mahukan, maka saya harap peneroka turut mengubah minda dan pemikiran serta berazam mengembalikan kegemilangan FELDA.

“Peneroka mesti menyahut seruan kerajaan yang mahu kem-


## REFORM: Program Pembangunan Peneroka (PPP)



## REVITALISE: Pemerksaan FELDA

Penerbitan sukuk berjaminan kerajaan bernilai

**RM9.9 bilion**



## Bebanan pinjaman peneroka berkurangan

**RM800 hingga**

**RM1,000**

Purata **80%** setiap peneroka

Penoreh getah **RM150**

Peneroka sawit **RM250** hingga **RM300**

bali menjadikan FELDA sebagai syarikat perladangan unggul dan ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab kita,” katanya.

Kelmarin, Muhyiddin me-

ngumumkan keputusan kerajaan yang secara dasar bersetuju melupuskan sebahagian pinjaman peneroka FELDA berjumlah RM8.3 bilion sebagai

ran pinjaman, katanya, tunai dalam tangan peneroka dapat digunakan untuk membantu perbelanjaan lain.

“Pelupusan sebahagian daripada pinjaman peneroka RM8.3 bilion melalui penerbitan sukuk RM9.9 bilion adalah tepat pada masanya kerana harga minyak sawit mentah (MSM) ketika ini berada pada paras tinggi sekitar RM4,000 satu tan, sekali gus memudahkan terbitan ini menarik pelabur.

“Ia akan memberikan kecairan tunai mencukupi dalam pasaran modal untuk memenuhi kehendak pelabur.

“Pulangan lebih tinggi daripada harga minyak sawit dan pelupusan sebahagian besar pinjaman peneroka sehingga 80 peratus adalah bonus berganda kepada mereka,” katanya kepada BH.

Aimi Zulhazmi berkata, terbitan sukuk bernilai RM9.9 bilion oleh FELDA dengan jaminan kerajaan itu juga perlu digunakan dengan tepat dan bersesuaian situasi semasa.

Beliau berkata, lebihan RM1.6 bilion boleh digunakan oleh FELDA untuk mempelbagaikan program pembangunan ekonomi peneroka selain perladangan.

Dengan bilangan peneroka dan keluarga yang ramai di seluruh negara, jelasnya, FELDA boleh mewujudkan ekosistem digital sendiri yang merangkumi platform e-dagang, logistik, teknologi kewangan, termasuk sistem pembayaran dan akademi.

“Sebahagian daripada komponen ekosistem ini sudah wujud dalam FELDA seperti jaringan logistik dan akademi.

“Namun, apa yang perlu dilaksanakan adalah melipatgandakan ekosistem itu, sekali gus mewujudkan ekosistem digital menyeluruh dan mampu bersaing dengan platform e-dagang global,” katanya.

“Ini menunjukkan kerajaan mendengar rintihan peneroka dan kita wajar membalasnya dengan berusaha meningkatkan pencapaian FELDA secara keseluruhannya”



**Karip Mohd Salleh,**  
Ketua Peneroka Negeri Sembilan

“Sebagai pewaris, generasi ketiga dan keempat peneroka perlu menyahut usaha kerajaan ke arah menjadikan FELDA sebagai syarikat perladangan terulung di dunia”

**Zulmi Abd Rahman,**  
Peneroka FELDA Jengka

